



**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN  
DAN PERBENDAHARAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BILANGAN 2 TAHUN 2023**

Semua Pegawai Pengawal  
Negeri Sembilan Darul Khusus

---

**GARIS PANDUAN PERBELANJAAN MAKANAN DAN MINUMAN  
BAGI KERAIAN RASMI, MESYUARAT DAN LATIHAN  
ANJURAN JABATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

---

## TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan-peraturan bagi perbelanjaan makanan dan minuman bagi majlis-majlis keraian rasmi, mesyuarat dan latihan yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

## LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, Jabatan Negeri merujuk kepada Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Bil. 3 Tahun 2019 - Garis Panduan Perbelanjaan Makanan dan Minuman bagi Keraian Rasmi, Mesyuarat dan Latihan Anjuran Jabatan yang berkuat kuasa mulai 23 Januari 2019. Walau bagaimanapun, Pejabat Kewangan Negeri telah mengemaskini dan menambahbaik beberapa aspek dalam pekeliling tersebut bagi memudahkan Jabatan Negeri membuat rujukan dan panduan.

## PERATURAN BAGI KERAIAN RASMI, MESYUARAT DAN LATIHAN KERAJAAN NEGERI

3. Takrifan:
  - 3.1 **'Majlis / Acara Rasmi Kerajaan'** adalah ditafsirkan sebagai mesyuarat / persidangan / konvensyen yang diadakan di peringkat Antarabangsa / Kebangsaan / Negeri / Jabatan, meraikan pelawat iaitu orang-orang kenamaan atau rombongan rasmi dari Dalam atau Luar Negara yang diakui terwajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara pelancaran atau pembukaan rasmi serta penutup sesuatu projek / pertandingan oleh Negeri / Jabatan.
  - 3.2 **'Keraian Rasmi Kerajaan'** boleh diadakan hanya bagi penganjuran aktiviti program berikut:
    - i. Persidangan peringkat antarabangsa, kebangsaan, jabatan negeri / daerah yang diadakan di Negeri ini;
    - ii. Majlis Penuh Istiadat / sambutan keraian yang wajib diraikan di peringkat kebangsaan, negeri, jabatan negeri dan daerah seperti majlis penganugerahan / pengiktirafan yang termaktub di dalam pekeliling-pekeliling Kerajaan dan sambutan program rasmi peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa berkaitan fungsi Jabatan yang diadakan di Negeri ini;

- iii. Majlis Sambutan Hari Perayaan Peringkat Negeri bermaksud majlis rasmi yang dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang merangkumi Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali dengan menggunakan peruntukan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri;
  - iv. Meraikan pelawat iaitu orang kenamaan atau rombongan rasmi daripada luar atau dalam Negara yang wajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan rasmi Kerajaan Negeri;
  - v. Majlis pelancaran / perasmian / penutupan rasmi sesuatu projek, persidangan, seminar, kursus dan taklimat oleh Jabatan Negeri / Daerah;
  - vi. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar; dan
  - vii. Mana-mana program / majlis yang melibatkan Istana / Balai Undang / Institusi Adat yang mendapat kelulusan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.
- 3.3 ‘**Mesyuarat**’ bermaksud rundingan atau perbincangan rasmi oleh Kerajaan Negeri / Jabatan Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar / YB Setiausaha Kerajaan Negeri / YB Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri / YB Pegawai Kewangan Negeri / YB Penasihat Undang-Undang Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di **peringkat Negeri** manakala di **peringkat Jabatan** adalah mesyuarat tahunan / berkala yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan dengan Pengarah-pengarah / Ketua Bahagian / Unit dan Penyelia di Daerahnya.
- 3.4 Selain itu, Keraian Rasmi Kerajaan juga boleh diadakan semasa mesyuarat-mesyuarat berikut:
- i. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar yang berkaitan dengan urusan rasmi Kerajaan Negeri;
  - ii. Mesyuarat peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri / YB Pegawai Kewangan Negeri;
  - iii. Mesyuarat tahunan / berkala Ketua Jabatan dengan Pengarah-pengarah / Ketua Bahagian / Unit dan Penyelia di Daerahnya; dan

- iv. Mesyuarat yang melibatkan jemputan luar. Walau bagaimanapun, mesyuarat yang kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan.
- 3.5 ‘**Latihan / Kursus / Bengkel**’ bermaksud program pemindahan ilmu bagi penambahan pengetahuan, kemahiran dan sikap.
- 3.6 ‘**Jemputan luar**’ bermakna wakil Negeri / Jabatan serta wakil agensi luar yang dijemput untuk menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Kerajaan;
- 3.7 ‘**Jamuan Ringan**’ bermakna minum pagi atau minum petang.
- 3.8 ‘**Pakej**’ adalah ditafsirkan sebagai perolehan yang merangkumi kombinasi mana-mana item bagi menganjurkan majlis / acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan seperti penginapan, makan minum, sewaan dewan / bilik mesyuarat, penyewaan peralatan dan kemudahan lain yang berkaitan.
- 3.9 ‘**Katering**’ adalah ditafsirkan sebagai perkhidmatan penyediaan makanan bagi majlis jamuan yang diuruskan oleh Jabatan tanpa melibatkan penginapan atau sewaan dewan / khemah serta peralatan seperti kerusi, meja, perhiasan dan alat siaraya.
- 3.10 ‘**Premis Kerajaan Negeri**’ bermaksud bangunan, kawasan atau tempat seperti premis / kemudahan milik Kerajaan yang bersesuaian atau mana-mana hotel milik Kerajaan Negeri atau syarikat berkaitan Kerajaan Negeri di dalam Negeri Sembilan.
- 3.11 ‘**Premis Bukan Kerajaan Negeri**’ bermaksud bangunan, kawasan atau tempat seperti hotel, dewan, rumah kelab dan pusat latihan atau mana-mana premis yang bukan milikan Kerajaan Negeri atau syarikat berkaitan Kerajaan Negeri.

## **SYARAT PEROLEHAN**

- 4.1 Jabatan digalakkan untuk **menggabungkan** beberapa **program** ke dalam satu penganjuran bagi mengoptimumkan sumber kewangan dan tenaga kerja.
- 4.2 Perancangan dan pelaksanaan **kursus / latihan** di peringkat Jabatan hendaklah **bersifat functional** dan selari dengan *core-business* jabatan. Kursus / latihan yang bersifat *generic* adalah tidak digalakkan.

- 4.3 Semua perolehan berkaitan kursus / latihan pegawai dan kakitangan perlu mendapat **perakuan** daripada Panel Pembangunan Sumber Manusia di Jabatan masing-masing, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.
- 4.4 Jabatan Negeri digalakkan menganjurkan kursus / latihan **secara dalaman dan secara atas talian / hybrid** bagi memberi peluang penglibatan lebih ramai peserta.
- 4.5 Selaras dengan perbelanjaan berhemah, pelaksanaan majlis / keraian rasmi / mesyuarat / taklimat / bengkel / kursus / latihan / program hendaklah dilaksanakan di premis milik Jabatan / Agensi Kerajaan atau mana-mana hotel milik Kerajaan Negeri / syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di dalam Negeri Sembilan di mana **kajian pasaran adalah dikecualikan** tertakluk kepada kadar dalam pekeliling ini dan **Pekeliling Perbendaharaan WP1.10 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus Kecuali Kursus Pra Perkhidmatan serta mana-mana pekeliling yang berkuatkuasa.**
- 4.6 Sekiranya premis / hotel milik Kerajaan Negeri tiada kekosongan, Jabatan / Agensi boleh melantik mana-mana hotel di dalam Negeri Sembilan di mana **kajian pasaran adalah diwajibkan**.
- 4.7 Permohonan pelaksanaan majlis rasmi / keraian rasmi / mesyuarat / taklimat / bengkel / kursus / latihan / program di laur Negeri Sembilan hendaklah mendapat **kelulusan secara bertulis** dari Pegawai Kewangan Negeri **sekurang-kurangnya 14 hari** sebelum tarikh program berkenaan.
- 4.8 Pelantikan bagi penggunaan **travel agent, event manager** atau pihak lain adalah **tidak dibenarkan** kecuali dengan kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri.
- 4.9 Kuasa untuk meluluskan penganjuran majlis rasmi / keraian rasmi / mesyuarat / taklimat / bengkel / kursus / latihan / program adalah seperti di Jadual 1.

Kuasa Melulus	Dalam Negeri Sembilan		Luar Negeri Sembilan	
	Premis Kerajaan Negeri / GLC	Bukan Premis Kerajaan Negeri	Premis Kerajaan Negeri / GLC	Bukan Premis Kerajaan Negeri
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI			✓	✓
PEGAWAI PENGAWAL	✓	✓		

Jadual 1

## KADAR KELAYAKAN DAN PERATURAN

- 5.1 Kadar maksimum penyediaan makanan dan minuman bagi **majlis / acara / keraihan rasmi Kerajaan dan Mesyuarat yang melibatkan** YAB Menteri Besar / Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri / *Ex-Officio* (YB Setiausaha Kerajaan Negeri / YB Penasihat Undang-Undang dan YB Pegawai Kewangan Negeri) hendaklah **tidak melebihi daripada kadar** yang ditetapkan seperti di Jadual 2.

Lokasi	Perkara	Kadar Maksimum
Premis Kerajaan Negeri / Premis Bukan Kerajaan Negeri	Jamuan ringan (minum pagi)	RM10.00
	Makan tengah hari	RM40.00
	Jamuan ringan (minum petang)	RM10.00
	Makan malam	RM50.00
	**Nota: pengiraan kadar harga hendaklah termasuk nilai 6% SST	

**Jadual 2**

- 5.2 Kadar bagi penyediaan makanan dan minuman untuk mesyuarat / latihan / kursus / bengkel berdasarkan lokasi selain daripada penglibatan seperti di para 5.1 adalah seperti di Jadual 3 dan Jadual 4.

### Premis Kerajaan Negeri:

Perkara	Kadar Maksimum
Jamuan ringan (minum pagi atau petang)	RM8.00
Makan tengah hari	RM15.00
Makan malam	RM15.00

**Jadual 3**

### Premis Bukan Kerajaan Negeri:

Perkara	Kadar Maksimum
Secara pakej sehari (tidak bermalam)	RM90.00

**Jadual 4**

## PERKARA-PERKARA LAIN

- 6.1 Mesyuarat yang **kurang daripada satu (1) jam tidak dibenarkan penyediaan makanan dan minuman.**
- 6.2 Kekerapan mengadakan Keraian Rasmi Kerajaan hendaklah dihadkan kepada aktiviti / program / mesyuarat rasmi yang penting dan perlu berpandukan kepada syarat-syarat di para 3.2 di atas.
- 6.3 Penganjuran majlis Keraian Rasmi digalakkan diadakan di premis atau kemudahan sedia ada Kerajaan Negeri yang bersesuaian dan dibuat secara sederhana.
- 6.4 Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada individu / organisasi yang berkaitan secara langsung dengan urusan rasmi Kerajaan sahaja.
- 6.5 Hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan.
- 6.6 Membuat perancangan yang lebih awal untuk mengelakkan kos perbelanjaan yang lebih tinggi.
- 6.7 Kadar penginapan, makan minum peserta dan urus setia serta jamuan keraian rasmi Kerajaan hendaklah tidak melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuat kuasa.
- 6.8 Sebarang pengecualian kepada kadar makanan dan minuman perlulah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.
- 6.9 Jabatan hendaklah mempunyai peruntukan yang mencukupi dan perbelanjaan diluluskan, sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemah serta mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.
- 6.10 Perbelanjaan menggunakan kadar baharu ini adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada Jabatan. Ketua Jabatan hendaklah membuat perancangan berdasarkan peruntukan sedia ada. Tiada peruntukan tambahan akan diberikan bagi tujuan ini.

## PEMAKAIAN

- 7.1 Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa berkaitan.
- 7.2 Pekeliling ini membatalkan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Bilangan 3 Tahun 2019 – Garis Panduan Perbelanjaan Makanan dan Minuman Bagi Keraian Rasmi, Mesyuarat dan Latihan Anjuran Jabatan bertarikh 23 Januari 2019.
- 7.3 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya ditandatangani.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh: **10** Mac 2023

s.k : YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus